



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>ISLAMIC ETHICS</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI1053</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (30 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A. Jawab **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN B dan **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Akhlak berasal daripada perkataan al – Khuluq (الخلق). Menurut Lisan al-Arabi akhlak bermaksud
  - A. Tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan gambaran bagi zahir dan batin seseorang.
  - B. Sifat-sifat manusia yang sedia ada atau daripada perkara-perkara yang dipelajarinya
  - C. Satu ilmu yang membahaskan masalah-masalah dalaman manusia khususnya yang mengupas hal-hal kejiwaan
  - D. Cara atau jalan yang memperlihatkan sesuatu yang berbentuk zahir.
  
2. Akhlak menurut Imam al – Ghazali ialah
  - A. Ilmu yang membahaskan kelebihan-kelebihan diri
  - B. Akhlak ialah satu gambaran daripada keadaan diri yang telah sehati.
  - C. Akhlak ialah sifat al-Khair iaitu sifat-sifat yang baik
  - D. Akhlak ialah ilmu yang mengkaji tentang gejala-gejala tingkah laku manusia
  
3. Islam merangkumi tiga cabang ilmu **KECUALI**
  - A. Akidah
  - B. Ibadah
  - C. Akhlak
  - D. Sirah
  
4. Akhlak Islam mempunyai beberapa keistimewaan. Allah s.w.t juga menyatakan keistimewaannya di dalam al-Quran serta dihuraikan melalui hadith Nabawi samada daripada riwayat dan teladannya. Manakah antara berikut **BUKAN** keistimewaan Akhlak Islam
  - a. Al Ilzam (ditentukan oleh Allah)
  - b. Al-Yusra (senang atau mudah)
  - c. Al – Din (Agama)
  - d. Assyummul (menyeluruh)

5. Ahli falsafah Islam daripada aliran al-aqli membataskan masalah-masalah akal kepada beberapa ciri antaranya
- i. Al - Hikmah
  - ii. Al - Iffah
  - iii. Al - Shaja'ah
  - iv. Al - 'Adalah
- A. i dan ii  
B. i, ii dan iii  
C. i dan iv  
D. i, ii, iii, dan iv
6. Manakah antara berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu dalam pembentukan akhlak Islam
- i. Al-Warosah(keturunan)
  - ii. Al-Fitrah al-Insaniah (Sifat semula jadi)
  - iii. Al-Biah (persekitaran)
  - iv. Al-Din (Agama)
- A. i dan ii  
B. i, ii dan iii  
C. i dan iv  
D. i, ii, iii dan iv
7. Akhlak berasal daripada kalimah bahasa Arab "khuluk". Akhlak dari segi bahasa bermaksud
- A. Tabiat
  - B. Adat
  - C. Norma
  - D. Undang-undang

8. Ilmu akhlak Islam mempunyai beberapa prinsip tertentu iaitu
- Persamaan taraf
  - Kebebasan memilih
  - Akhlak Islam bersifat syumuk(Universal)
  - Tanggungjawab
- A. i dan ii  
B. i, ii dan iii  
C. ii, iii dan iv  
D. Semua di atas
9. Akhlak Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri yang tertentu. Manakah antara berikut **BUKAN** daripada ciri-ciri akhlak Islam
- Sempurna
  - Berganjaran
  - Berubah-ubah
  - Sejagat dan selari
10. \_\_\_\_\_ adalah sifat yang terpuji atau sifat-sifat baik yang disukai oleh Allah. s.w.t dan rasulnya.
- Sifat mazmumah
  - Sifat mahmudah
  - Sifat baik
  - Sifat buruk
11. 

Anita dan rakan-rakannya berhenti rehat di sebuah restoren sambil menikmati keindahan ibu kota. Kemudian, mereka ketawa dan mengutuk setiap pergerakan orang yang lalu di tepi kedai tersebut.
--

Situasi di atas menunjukkan perbuatan tidak baik kerana perbuatan mengetawakan dan mengutuk orang termasuk di dalam sifat-sifat \_\_\_\_\_



- A. Sifat mazmumah
  - B. Sifat mahmudah
  - C. Sifat baik
  - D. Sifat jahat
12. Syukur ialah mengiktiraf dengan nikmat yang diterima dengan perasaan rendah diri. Menurut Jawaluddin al-Fasimi, syukur itu merangkumi empat aspek iaitu
- i. Syukur dengan ilmu
  - ii. Syukur dengan keadaan
  - iii. Syukur dengan amalan
  - iv. Syukur dengan harta dan kekayaan
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. i, ii dan iv
  - D. i dan iv
13. Baginda merupakan tokoh, contoh, qudwah hasanah bagi umat Islam di dalam pelbagai aspek kehidupan terutama akhlak. Baginda adalah
- A. Abu Bakar al-Sidiq
  - B. Khalifah Umar al-Khatab
  - C. Usman bin Affan
  - D. Nabi Muhammad s.a.w
14. Berikut merupakan sahabat Rasulullah s.a.w dan khalifah Islam atau Khulafa Ar-Rasyidin yang memerintah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w **KECUALI**
- A. Abu Bakar al-Sidiq
  - B. Nabi Muhammad s.a.w
  - C. Usman bin Affan
  - D. Khalifah Umar al-Khatab

15. Prinsip-prinsip Agama Islam adalah
- i. Memelihara agama
  - ii. Memelihara nyawa
  - iii. Memelihara maruah dan keturunan
  - iv. Memelihara negara

- A. I dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

16. Antara padanan berikut, manakah padanan yang **BETUL** tentang sistem nilai dalam Islam?

- A. *Wajib* – Mesti buat
- B. *Sunat* – Diberi pilihan buat atau tidak
- C. *Harus* – Digalakkan buat
- D. *Haram* – Nilai yang dibenci, elok dihindari

17.

Fitrah manusia pada asalnya baik iaitu Allah s.w.t menghiasi dalam diri manusia dengan sifat-sifat terpuji tetapi tabiat yang baik ini akan berubah menjadi sebaliknya berpunca daripada faktor-faktor luaran

Kenyataan di atas merujuk kepada faktor-faktor pembentukan akhlak Islam, manakah antara faktor tersebut merujuk kepada pernyataan di atas

- A. Warisan (al-warosah)
- B. Persekitaran (al-Bi'ah)
- C. Sifat semula jadi manusia (al-Fitrah al-Insaniah)
- D. Ibadah (al-Ibadah)

18. \_\_\_\_\_ ialah persekitaran yang semula jadi seperti individu yang tinggal di kawasan yang bercuaca panas akan memiliki warna kulit yang gelap atau coklat kesan daripada panas matahari yang membakar kulit.
- A. Bi'ah batiniyah
  - B. Bi'ah solehah
  - C. Bi'ah ijtimaiyah
  - D. Bi'ah tabiiyah
19. Manakah antara berikut merupakan ilmu yang terdapat di dalam al-Quran
- I. Ilmu Makrifat
  - II. Ilmu Haqiqat
  - III. Ilmu Wahyu
  - IV. Ilmu Aqli
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. i, ii dan iv
  - D. Semua di atas
20. Solat memberi kesan yang besar terhadap pembentukan akhlak seseorang. Solat dapat menghindarkan individu yang menunaikannya daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Selain itu, Imam Ghazali juga berpendapat bahawa khusyuk di dalam solat boleh membentuk peribadi yang baik malah solat yang ditunaikan tanpa khusyuk adalah \_\_\_\_\_
- A. Sah
  - B. Tidak sah
  - C. Wajib
  - D. Haram
21. Berikut merupakan rukun Islam **KECUALI**
- I. Beriman kepada hari kiamat
  - II. Beriman kepada qada' dan qadar
  - III. Berpuasa di Bulan Ramadhan
  - IV. Menunaikan zakat



- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

22. Menunaikan fardu haji merupakan rukun Islam yang \_\_\_\_\_

- A. Pertama
- B. Kedua
- C. Keempat
- D. Kelima

23. Menurut Syed Sabiq perbuatan baik ialah

- A. Perilaku atau perbuatan yang disuruh atau disukai oleh perasaan dalaman seseorang.
- B. Kebaikan yang ada di alam nyata yang telah dicipta oleh Tuhan yang Maha Kuasa
- C. Perbuatan yang mengandungi kriteria kebaikan.
- D. Sesuatu yang murni dan sempurna dalam Islam serta ikhlas melakukannya

24. Menurut Ibnu Sina kejahatan ialah

- A. Perbuatan yang ditegah oleh perasaan dalaman seseorang
- B. Sesuatu yang berlawanan dengan sifat baik
- C. Sesuatu yang bertentangan dengan baik dalam kehidupan
- D. Perbuatan yang hina dan keji

25. Tokoh tasawuf menjelaskan tiga tingkat reda **KECUALI**

- A. Reda Awwam
- B. Reda Jasmani
- C. Reda khawas
- D. Reda khawasul khawas

26. Takbur ialah sifat yang ada pada diri individu yang merasakan dirinya sempurna dan hebat. Manakah antara berikut puca-punca sifat takbur
- I. Ilmu
  - II. Amal ibadat
  - III. Keturunan
  - IV. Kekayaan
- A. i dan ii
  - B. ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
27. Menurut Ibnu Manzur di dalam Lisanul Arab syirik ialah
- A. Menjadikan Allah s.w.t itu sekutu baginya dalam kerajaan Allah
  - B. Mempunyai perasaan dengki atau kurang senang terhadap kesenangan orang yang dicapai orang lain
  - C. Menunjuk-nunjuk dalam setiap perlakuan(amal) di hadapan orang lain
  - D. Mengenal kurnian Allah s.w.t atas kurniaannya
28. Kufur menurut ulama ada **EMPAT (4) jenis KECUALI**
- A. Kufur juhud
  - B. Kufur muanadah
  - C. Kufur nikmat
  - D. Kufur nifaq
29. Rasulullah s.a.w ketika membina negara Madinah dahulu telah menyatupadukan beberapa kaum yang mana Madinah ketika itu terdiri daripada pelbagai suku antaranya bangsa Arab, Yahudi, Kristian, Majusi dan sebagainya. Dalam pembinaan masyarakat sejagat, Rasulullah s.a.w. telah membuat perkara-perkara berikut, **KECUALI:**
- A. Persetiaan sesama muslim
  - B. Persaudaraan sejagat
  - C. Agihan harta yang adil
  - D. Mewujudkan institusi

30. Rasulullah s.a.w menjelaskan ashabiah ialah
- A. Semangat patriotik atau nasionalisme
  - B. Ashabiah ialah apabila kamu menolong saudaramu(kaummu) yang melakukan kemungkaran.
  - C. Keharmonian dan kesejahteraan sesebuah negara
  - D. Semangat perkauman

(30 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

1. Berikan takrif akhlak dari segi bahasa dan istilah  
(4 markah)
2. Nyatakan **EMPAT(4)** contoh perlakuan yang berakhlak mulia bagi seseorang individu beragama Islam.  
(4 markah)
3. Apakah maksud *qudwah hasanah* dan siapakah qudwah hasanah bagi umat Islam di dalam kehidupannya terutama bidang akhlak.  
(2 markah)

**SOALAN 2**

1. Apakah sumber pembentukan akhlak Islam  
(2 markah)
2. Nyatakan **DUA (2)** dalil daripada al-Quran dan **SATU(1)** dalil al-Sunnah yang menyentuh tentang pembentukan akhlak Islam.  
(Tulis ayat al-Quran beserta maksudnya)  
(8 markah)

**SOALAN 3**

1. Huraikan secara ringkas pembahagian ilmu Akhlak Islam berikut
  - (a) Ilmu akhlak Nazari
  - (b) Ilmu akhlak Amali  
(4 markah)

2. Jelaskan secara ringkas keistimewaan akhlak Islam berikut:

- (a) Al-Yusra(mudah)
- (b) As-subut wa al-umum(tetap dan umum)
- (c) Assyummul(menyeluruh)

(6 markah)

#### SOALAN 4

1. Terangkan secara ringkas kesan solat terhadap pembentukan akhlak seseorang individu.

(3 markah)

2. Huraikan secara ringkas kesan puasa terhadap pembentukan sahsiah dan akhlak seseorang individu.

(3 markah)

3. Apakah maksud rukun Islam serta nyatakan rukun Islam tersebut.

(4 markah)

#### SOALAN 5

1. Berikan definisi moral.

(2 markah)

2. Huraikan secara ringkas **EMPAT (4)** perbezaan antara Moral dan Akhlak.

(8 markah)



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab DUA (2) sahaja soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Seks Bebas merupakan salah satu daripada isu moral yang melibatkan remaja masa kini. Seks bebas juga disebut sebagai seks rambang, seks luar nikah dan perbuatan terlanjur. Perbuatan ini juga tidak dibenarkan dalam agama terutama agama Islam. Selain itu, ianya juga tidak dibenarkan oleh institusi perkahwinan. Seks bebas juga termasuk di dalam kategori perbuatan yang tidak bermoral dan tidak berakhlak kerana ia dianggap melanggar prinsip atau peraturan yang diterima secara rasional di dalam kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, terangkan kesan keruntuhan moral dan akhlak yang berlaku akibat amalan seks bebas ini terutama terhadap golongan remaja di masa kini.

(15 markah)

**SOALAN 2**

LGBT merupakan singkatan daripada perkataan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender. LGBT adalah suatu perbuatan dan perlakuan yang bertentangan dengan nilai dan adat kehidupan manusia. Tambahan itu, ianya ditegah atau dilarang di dalam agama terutama agama Islam. Penubuhan dan pergerakan golongan ini disokong dan diiktiraf di Negara Barat, akan tetapi berbeza di Malaysia yang mana terdapatnya undang-undang yang menghalang aktiviti homoseksualiti. Isu LGBT ini merupakan salah satu isu moral tentang suatu amalan yang bercanggah dengan nilai moral masyarakat yang perlu dibendung. Maka, jika ianya tidak ditangani dengan baik, akan merosakkan masyarakat terutama golongan remaja. Huraikan peranan pendidikan agama dan pendidikan moral sebagai salah satu unsur penting dalam menangani amalan atau perbuatan LGBT.

(15 markah)

**SOALAN 3**

Buli adalah perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang, kebiasaanya dilakukan terhadap individu yang lemah yang cuba menyesuaikan diri. Ianya semata-mata untuk menggertak, mencederakan serta menakutkan individu lemah secara mental dan fizikal bagi yang baru hendak menyesuaikan diri di tempat baru. Buli juga boleh dikatakan sebagai tindakan negatif, tidak bermoral dan merupakan salah satu jenayah popular dalam kalangan remaja belasan tahun. Walaupun ianya bukan isu baharu, namun sehingga kini, penyelesaiannya masih belum mampu mengurangkan bilangan kes buli dan kecederaan serta kematian yang berlaku di negara Malaysia ini (Berita Harian, 2013). Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan perlu memainkan peranan penting bagi menangani isu buli ini. Berdasarkan pendapat anda, jelaskan peranan individu seperti ibu bapa, sekolah, masyarakat, negara, dan rakan sebaya dalam menangani kes buli ini.

(15 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

